

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah sebenar rakyat Malaysia yang menghidap penyakit Autisme dan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan Pusat Jagaan dan Pembelajaran Awal khusus untuk kanak-kanak Autisme yang mensasarkan keperluan pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak ini serta keluarga mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendaftarkan orang kurang upaya (OKU) mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Dalam hal ini, OKU autisme tergolong dalam kategori masalah pembelajaran. Hingga 3 Mac 2014, seramai 8,493 OKU autisme telah berdaftar menerusi Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) di bawah kategori masalah pembelajaran.

Tuan Yang Dipertua,

JKM telah menyalurkan pelbagai perkhidmatan pemulihan menerusi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kepada kanak-kanak OKU termasuk autisme. Untuk makluman, PDK merupakan salah satu program yang melibatkan pembabitian secara aktif ibu bapa / penjaga

ahli keluarga golongan OKU dan komuniti setempat untuk membantu OKU hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat.

Selain itu, KPWKM telah menubuhkan TASKA OKU pada tahun 2013 dan salah sebuah daripada TASKA OKU tersebut dikhususkan kepada kanak-kanak autisme. Dalam hal ini, KPWKM telah bekerjasama dengan Persatuan Autisme Sibul untuk membuka TASKA Autisme di Sibul, Sarawak dengan peruntukan awal kerajaan sebanyak RM500,000.

Selain agensi kerajaan, pertubuhan sukarela kebajikan juga menyediakan program intervensi awal kepada kanak-kanak autisme termasuk ahli keluarga. Sebagai contoh, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) membantu individu autistik ke arah kehidupan dengan lebih berdikari dan bermakna. Pada masa ini, terdapat 19 buah pusat NASOM di seluruh negara yang mana 16 buah pusat tersebut menyediakan program pendidikan awal manakala bakinya (3 buah pusat) menyediakan latihan vokasional kepada individu autistik. Dalam hal ini, pihak kerajaan telah memperuntukkan geran sebanyak RM656,880 kepada NASOM pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa sebuah pusat pembelajaran awal kepada kanak-kanak autisme iaitu Pusat Permata Kurnia di bawah Permata Negara akan dibuka di Sentul, Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan kanak-kanak autisme dan keluarga mereka. Pembinaan pusat ini telah bermula pada bulan Ogos 2013 dan dijangka siap pada bulan Februari 2015. Pusat ini akan menyediakan program intervensi awal secara komprehensif. Inisiatif ini akan mengurangkan beban keluarga yang mempunyai anak autisme.

Projek yang dibiayai oleh kerajaan persekutuan akan menawarkan tiga jenis perkhidmatan termasuk program intervensi sepenuh masa untuk 100 hingga 150 kanak-kanak yang berusia antara 4 hingga 6 tahun. Perkhidmatan intervensi sokongan keluarga untuk mempelajari teknik intervensi yang boleh diaplikasi di rumah juga akan disediakan oleh pusat ini selain program latihan kepada pendidik, ahli terapi, ibu bapa dan orang ramai yang merangkumi pelbagai aspek autisme.